



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 30 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	AKTIVITI PUKAT HARAM ANCAM BENIH IKAN, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	DIDENDA RM43,000, LOKAL, HM -7	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	DENDA RM43,000 GUNA LOGO HALAL PALSU, NEGERI, SH -27	
4.	AGROBANK GALAK PENDIGITALAN KEWANGAN, BISNES, HM -33	AGROBANK
5.	NELAYAN MINTA SUBSIDI ALAT TANGKAP IKAN, DALAM NEGERI, UM -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2022	KOSMO	NEGARA	16

# Aktiviti pukat haram ancam benih ikan

Oleh SAFINA RAMLI

**GEORGE TOWN** – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi perhatian serius dan mengambil tindakan segera mengatasi masalah aktiviti tangkapan ikan secara haram di perairan negara ini.

Presiden CAP, Mohideen Abd. Kader berkata, masalah yang sudah lama berlaku itu bukan saja menjejaskan pendapatan nelayan pantai tetapi turut menyebabkan sumber perikanan mengalami kepupusan pada masa akan datang.

Katanya, tinjauan CAP mendapati, selain pukat tunda yang menjadi ancaman kepada pembiakan ikan di perairan negara sejak lebih 40 tahun lalu, penggunaan pukat rawa sorong, pukat apollo, pukat siput dan bubu naga juga semakin berleluasa.

"Sejak 1980-an, CAP telah menyuarakan bantahan dan mengemukakan beberapa cadangan kepada kerajaan mengenai perkara ini termasuk menguatkuasakan undang-undang dengan tegas dan mengharamkan penggunaan pukat tunda bagi mengawal sumber perikanan daripada kepupusan.

"CAP menggesa MAFI, Jabatan Perikanan dan Maritim Malaysia (APMM) mengambil tindakan segera bagi menangani keadaan yang semakin meruncing dalam sektor perikanan



**PENGUNAAN** bubu naga yang semakin berleluasa turut mengancam benih-benih ikan di perairan negara.

ketika ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujar beliau, sebagai contoh di Sabah, penggunaan bahan letupan atau bom dalam kalangan nelayan dan penangkap ikan juga telah menyumbang kepada peningkatan kemusnahan benih ikan dan kerosakan batu karang di perairan negeri berkenaan.

"Di Pantai Timur pula, pencerobohan nelayan asing terutama dari Vietnam yang berterusan sejak sekian lama menyebabkan negara ini mengalami kerugian RM4.25 bilion setiap tahun kerana hasil laut dirompak oleh nelayan bot pu-

kat tunda dari negara itu.

"Setiap hari beribu tan benih hidupan laut berbagai spesies musnah akibat penggunaan peralatan tersebut. Sebuah bot pukat tunda misalnya memrangkap dan membunuh lebih 60 peratus anak ikan (benih) yang tidak boleh dimakan dan dipasarkan," katanya.

Dalam pada itu, jelasnya, di samping menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 dengan tegas dan berkesan, gesaan CAP serta nelayan pantai sebelum ini supaya penggunaan pukat tunda diharamkan perlu diberi perhatian serius dan disegerakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2022	HARIAN METRO	LOKAL	7



KPDNHEP Selangor menyerbu premis yang menempatkan daging sejuk beku di sebuah premis di Pulau Indah. - Gambar ihsan KPDNHEP Selangor



## LELAKI MENGAKU GUNA LOGO HALAL PALSU

# Didenda RM43,000

Oleh Ruwaida Md Zain  
am@tmetro.com.my

### Shah Alam

Seorang lelaki tempatan didenda RM43,000 selepas mengakui bersalah menggunakan logo halal palsu pada daging sejuk beku yang diimport.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, hukuman dijatuhkan oleh majistret di Mahkamah Sesyen di sini, kelmarin.

Menurutnya, pendakwaan dilakukan susulan operasi bersepadu KPDNHEP Selangor bersama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Ibu Pejabat Polis (IPK) Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Magis) di sebuah premis di Pulau Indah, awal tahun lalu.

Individu terbabit dituduh mengikut Akta Perihal Dagangan 2019.

Tertuduh terbabit kemudian mengaku bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan

Hakim Rasyidah Ghazali.

"Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM43,000 dan jika gagal bayar denda boleh dikenakan hukuman penjara 15 bulan penjara mengikut Perenggan 8(b) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

"Sejumlah 1,672 barang kes dilupuskan disebabkan ia barang mudah rosak dengan nilai rampasan yang dilupuskan adalah melebihi RM500,000," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam serbuan pada 25 Januari tahun lalu, KPDNHEP mendapati pengimport daging sejuk beku (daging lembu) berkenaan menggunakan penandaan logo halal dari luar negara dan perbhasaan/tulisan halal yang diragui.

"Siasatan mendapati daging sejuk beku yang ditemui semasa serbuan adalah diimport dari luar negara.

"Siasatan awal dan semakan daripada Jais, logo halal yang digunakan tidak diiktiraf dan penandaan halal yang digunakan pada kotak pembungkusan diragui," katanya.

Individu terbabit dituduh mengikut Akta Perihal Dagangan 2019

30/9/2022

SINAR  
HARIAN

SELANGOR

27

# Denda RM43,000 guna logo halal palsu

Lelaki berkenaan mengaku guna logo halal yang tidak diiktiraf pada daging lembu sejuk beku

Oleh **NOOR AZLIDA ALIMIN**  
**SHAH ALAM**

**S**eorang lelaki berusia 30-an didenda RM43,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini kerana menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf pada daging sejuk beku, Januari tahun lalu.

Lelaki itu selaku orang kena saman (OKS) dikenakan hukuman itu selepas mengaku ber-salah atas pertuduhan yang di-baca di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali pada Selasa.

Mahkamah memerintahkan



Agensi penguat kuasa berjaya mengesan kes pengimport daging sejuk beku menggunakan logo halal dari luar negara dan tulisan halal yang diragui dalam serbuan di premis sekitar Pulau Indah, Shah Alam tahun lalu.

(JAIS), polis Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majis) di premis sekitar Pulau Indah di sini namun tiada pemilik atau pekerja ditemui.

"Satu tindakan diambil bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan hasil siasatan telah mem-bawa kepada pengesyoran orang yang disiasat (OYDS) untuk dipertuduhkan di mahka-mah di bawah Akta Perihal Dagangan 2019," katanya me-nerusi satu kenyataan pada Khamis.

Mohd Khairi berkata, pihak-nya akan terus menjalankan pe-meriksaan dengan agensi lain khususnya berkaitan isu ke-selamatan dan pemeriksaan me-libatkan makanan.

Malah, beliau menegaskan, agensi ini bertindak tegas dan tidak berkompromi dalam me-nguatkuasakan undang-undang khususnya melibatkan perakuan dan penandaan halal selain ia merupakan antara salah satu ke-pentingan awam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, pada 25 Januari tahun lalu, pihaknya berjaya mengesan kes peng-import daging sejuk beku (daging lembu) menggunakan logo halal dari luar negara dan tulisan halal yang diragui.

"Serbuan dibuat bersama Jabatan Agama Islam Selangor

lebih RM250,000 atau dipenjara-kan selama tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Sejumlah 1,672 barang kes bernilai lebih RM500,000 yang dipertuduhkan telah dilupuskan. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kermenterian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Nurul Ain Shafie.

OKS dipenjara 15 bulan jika ga-gal membayar denda tersebut.

Dia didakwa mengikut Perenggan 8(b) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang memperuntukkan hukuman den-da maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, denda tidak me-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2022	HARIAN METRO	BISNES	33

## PROGRAM KAFE & KOPERASI TANPA TUNAI

# Agrobank galak pendigitalan kewangan

**Kuala Lumpur:** Agrobank melancarkan Program Kafe & Koperasi Tanpa Tunai pertama seumpamanya di Johor, di Kolej Tingkatan Enam Pontian, dalam usaha mempromosi ilmu pengurusan kewangan dan menggalakkan pendigitalan kewangan dalam urus niaga tunai harian terutamanya dalam kalangan pelajar dan di peringkat institusi pendidikan tinggi.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program ini dibangunkan khusus untuk pelajar di peringkat kolej sekolah itu dengan objektif menyemai budaya pengurusan wang yang betul agar golongan muda lebih bersedia dan bijak mengurus kewangan mereka, sekali gus menjalankan transaksi secara digital.

Katanya, Program Kafe & Koperasi Tanpa Tunai



**KETUA** Jabatan Saluran dan Pengedaran Agrobank, Syed Hairul Anuar Syed Fadzil menandatangani plak pelancaran Program Kafe & Koperasi Tanpa Tunai.

membabitkan golongan pelajar dan pendidik di Kolej Tingkatan Enam Pontian yang dibangunkan dengan kerjasama Koperasi Kolej Tingkatan 6 Pontian serta sokongan Pejabat Pendidikan Daerah Pontian, adalah pengenalan medium baharu dibentuk khusus untuk

pelajar kolej mengenai pengurusan mudah pendigitalan kewangan.

“Pelajar dan warga kerja kolej kini hanya perlu mengimbas kod QR dengan menggunakan telefon pintar mereka ketika membuat pembayaran di kantin atau di koperasi,” katanya.

30/9/2022

UTUSAN

DALAM

6

MALAYSIA

NEGERI

# Nelayan minta subsidi alat tangkap ikan

**PETALING JAYA:** Kumpulan nelayan meminta kerajaan bukan sahaja memberi subsidi minyak, tetapi juga barangan tangkap ikan dalam pembentangan Bajet 2023 bagi mengurangkan kos yang ditanggung mereka.

Timbalan Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Mohd. Faizal Mohd. Zabri berkata, subsidi minyak tidak membantu nelayan kecil secara menyeluruh.

Menurut beliau, nelayan kecil lebih memerlukan bantuan dari segi subsidi alat tangkap ikan kerana kos untuk membaiki alat-alat tersebut meningkat naik dan hasilnya pula tidak boleh dijual dengan harga tinggi iaitu sesuai dengan kos peralatan.

"Macam kami nelayan pantai, sebuah sampan kami hanya dapat RM18 sehari untuk subsidi minyak. Ini berbanding dengan bot-bot nelayan besar seperti bot pukot jerut dan bot pukot tunda ni mereka 'makan' sehingga beratusan ringgit, subsidi mereka sahaja mencecah RM400 sehari sebab ambil beribu liter.

"Sekiranya kerajaan boleh beri subsidi untuk alat-alat tangkap ikan, kemungkinan nelayan belah pantai ni dapat kelebihan daripada subsidi, kira adil den-



**GOLONGAN nelayan kecil juga meminta kerajaan turut memberi subsidi bagi membeli peralatan menangkap ikan dalam Bajet 2023.**

gan apa yang bot besar dapat. Bagi pendapat peribadi saya, nak bagi subsidi minyak tu boleh dan tak bagi pun tidak mengapa sebab ia terjalu sikit," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, akhbar melaporkan, Kabinet memutuskan Bajet

2023 yang sepatutnya dibentangkan 28 Oktober dibentang lebih awal iaitu pada 7 Oktober ini.

Susulan itu, pelbagai pihak menuntut bantuan kerajaan supaya mereka boleh kembali stabil selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu

serta ditekan dengan keadaan ekonomi yang turun naik

Mohd. Faizal berkata, jika kerajaan ingin meluluskan subsidi alat tangkap ikan, boleh diberi kepada persatuan yang dipertanggungjawabkan dan bukannya kepada kedai-kedai menjual peralatan tersebut.